

Kerajaan belum memutuskan ambil alih pentadbiran air

P

BM 1 JUN 1991

MELAKA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Pusat belum menentukan bentuk kerjasama berhubung rancangan mengambil alih pentadbiran air di seluruh negara.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan berpendapat sudah sampai masanya ia memainkan fungsi lebih besar berhubung pentadbiran bekalan air yang kini dikendalikan kerajaan negeri.

"Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan mengenai bentuk kerjasama dan fungsinya berhubung rancangan mengambil alih pentadbiran air yang akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Kita juga akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri berhubung soal keuntungan yang mungkin diperolehi jika pentadbiran bekalan air diambil alih oleh Kerajaan Pusat," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara dan Pelancaran Rasmi Program Induk Belia Negara (PIBN) di Stadium Kubu di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Kerajaan Pusat meluluskan projek pembinaan saluran paip untuk menyalurkan air dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal bagi membantu menyelesaikan masalah air di Melaka.

Menurutnya, Kerajaan Pusat tidak akan menggunakan sistem tender bagi projek itu, sebaliknya mengadakan rundingan dengan pihak terbabit untuk mempercepatkan pelaksanaannya.

Projek pemasangan saluran paip dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal sepanjang kira-kira 60 kilometer itu dijangka dapat mengurangkan masalah bekalan air di negeri ini.

Pembinaan saluran paip itu dicadangkan ketika Melaka menghadapi krisis air bermula Januari lalu berikutan kehilangan air di Empangan Durian Tunggal.